

**MEMO**  
**PEJABAT PRESIDEN & NAIB CANSOLOR**  
**(BIL 03/2018)**

**TARIKH** : 10 OKTOBER 2018  
**KEPADA** : SEMUA STAF & PELAJAR  
UNIVERSITI SELANGOR  
**DARIPADA** : PRESIDEN & NAIB CANSOLOR  
**NO. RUJUKAN** : UNISEL/UKKP/2018/101/12

**PERKARA** : MAKLUMAN ADUAN KEPADA UNIT KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN (UKKP) MENGENAI APA-APA PERKARA YANG  
MEMUDARATKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI TEMPAT  
KERJA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

2. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan merupakan satu bidang yang bertujuan melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja dan ia merupakan suatu aspek yang penting di dalam sesebuah organisasi. Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994, ianya merupakan salah satu tanggungjawab majikan untuk mengambil berat tentang keselamatan dan kesihatan pekerja ketika bekerja dan juga orang lain yang turut berada di kawasan tersebut.

3. Tujuan utama Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 adalah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja, melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada orang-orang yang sedang bekerja, mengalakkan suatu persekitaran pekerjaan yang bersesuaian dengan fisiologi dan psikologi orang-orang yang sedang bekerja, mengadakan suatu sistem perundangan yang berasas kepada peraturan-peraturan dan tata amalan industri disamping peruntukan Akta. Secara ringkasnya, akta ini bertujuan untuk menjamin keselamatan bukan sahaja kepada pekerja tetapi juga kepada orang lain yang berada di tempat kerja.

4. Peruntukan perundangan berkaitan kesihatan/penyakit pekerjaan adalah mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan) 2004, adalah menjadi tanggung jawab majikan dan juga pengamal perubatan yang merawat pekerja terbabit untuk melaporkan sebarang penyakit dan keracunan pekerjaan kepada Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia dalam tempoh 7 hari dengan menggunakan Borang JKKP7 yang boleh dimuat turun melalui laman web jabatan di [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my).

5. Penyakit pekerjaan biasanya ditentukan oleh beberapa faktor seperti berikut :
- a) Sejarah Pekerjaan (contohnya: pendedahan kepada hazard di tempat kerja seperti bahan kimia berbahaya kepada kesihatan)
  - b) Pengenalpastian Hazard dan Penaksiran Risiko Sesuatu Tempat Kerja/ Proses Kerja
  - c) Jangkamasa dan Tahap Pendedahan sesuatu *hazard* di tempat kerja.
  - d) Faktor-Faktor Sosial Demografi Pekerja seperti umur, jantina, keturunan dan status kesihatannya.
  - e) Data Klinikal dan Patologi (contohnya: Laporan Perubatan)

6. Amalkan langkah-langkah kawalan yang sedia ada di tempat kerja seperti pelindung mesin, penyedut udara setempat (*Local Exhaust Ventilation*) dan pemakaian alat pelindung diri (*Personal Protective Equipment*).

7. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab semua kakitangan/warga UNISEL untuk melaporkan kepada Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) mengenai kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan dan penyakit pekerjaan supaya tindakan segera dapat diambil.

Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan/ Saudara/ Saudari amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, wassalam.

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD REDZUAN BIN OTHMAN**  
PRESIDEN & NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI SELANGOR